

# Pengakuan Nik Aziz dapat reaksi positif

Oleh Wan Hazmir Bakar, Jalal Ali Abdul Rahim dan Zaharah Manan

KUALA LUMPUR, Khamis – Pengakuan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang mengaku tersilap cakap dengan mendakwa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak pandai membaca al-Quran, mendapat reaksi positif beberapa pemimpin negeri.

Di IPOH, Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, bagaimanapun mengingatkan Nik Abdul Aziz supaya tidak membuat tuduhan melulu terhadap Dr Mahathir atau mana-mana pemimpin lain.

"Saya berterima kasih

kepada Nik Aziz kerana mengaku kesilapan itu. Kita berharap pada masa depan apabila mahu mengeluarkan sesuatu perkataan, mestilah lebih hati-hati kerana ia boleh menimbulkan implikasi kurang baik.

"Kita di Malaysia mengamalkan demokrasi, jadi biarlah kita berpolitik secara terbaik dengan hanya mempamerkan dasar parti dan tidak sampai kepada perkara peribadi pemimpin parti," katanya di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan akhbar hari ini berhubung pengakuan Nik Abdul Aziz

yang juga Menteri Besar Kelantan.

Pemimpin pembangkang itu dilaporkan membuat dakwaan itu ketika berceramah di Sekolah Menengah Agama Arab Beris Lalang dekat Kota Bharu, kira-kira jam 11 jam, Sabtu lalu.

Berikutan kenyataan Nik Abdul Aziz itu, seorang ahli perniagaan membuat laporan polis berhubung kenyataan berbentuk fitnah terhadap Dr Mahathir.

Mohd Zain Yasim, 35, membuat laporan itu di Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Bharu Ahad lalu kira-kira jam 5.40 petang, bersama

kaset yang dipercayai mengandungi rakaman ucapan Nik Aziz sebagai bukti.

Sebelum ini, Timbalan Ketua Polis Kelantan, Asisten Komisioner II Abdul Aziz Nawi, memaklumkan polis sudah memulakan siasatan berhubung aduan itu.

Kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 500 Kanun Keseksaan.

Tajol berkata, berdasarkan pengalamannya, beliau pernah melihat Dr Mahathir membaca al-Quran melalui komputer di pejabat serta membaca terjemahan ayat suci yang disediakan.

Di Kuantan, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yakob menghargai sikap terbuka Nik Aziz yang mengaku kesilapannya.

"Saya sangat menghargai sikap Nik Aziz yang mengaku kesilapannya itu dan diharapkan sesiapa pun jika melakukan kesilapan hendaklah mengaku kerana itu satu sikap terbaik dalam Islam," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (Pasfa) di sini, hari ini.

Sementara itu, Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk

Zainudin Maidin, berkata Nik Aziz wajar memohon maaf secara terbuka kepada Dr Mahathir serta menjelaskan kepada penyokong Pas mengenai kesalahan percakapannya itu.

Katanya, Nik Aziz perlu berbuat demikian kerana kenyataannya itu walaupun diakui salah, masih dianggap betul pengikutnya.

"Saya harap Nik Aziz bukannya sekadar mengaku tersilap cakap tetapi juga meminta maaf dan menerangkan kepada pengikutnya," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.